



KENYATAAN MEDIA MENTERI KANAN PERTAHANAN

28 MEI 2021

MENGENAI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) & PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)

Kerajaan sebelum ini telah mengeluarkan arahan untuk tidak membenarkan pergerakan rentas negeri dan daerah manakala sambutan Hari Raya Aidilfitri hanya dalam kalangan ahli keluarga sendiri di dalam rumah yang sama sahaja, namun masih ada pihak yang ingkar Prosedur Operasi Standard (SOP) itu.

Akibatnya, sebanyak 24 kluster sambutan Hari Raya Aidilfitri telah direkodkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sehingga 27 Mei 2021.

Secara kumulatifnya, sebanyak 850 kes telah direkodkan daripada kluster ini manakala seramai 3,309 individu telah menjalani ujian saringan.

Paling membimbangkan, apabila KKM mendapati kebanyakan kes positif dilaporkan melibatkan individu yang tidak bergejala. Bagi kluster ini, sebanyak 699 kes tidak bergejala telah dikesan berbanding yang bergejala iaitu 151 kes.

Data daripada KKM menunjukkan kluster sambutan Hari Raya Aidilfitri paling tinggi direkodkan di Tumpat, Kelantan iaitu 224 kes. Selain itu, Kluster Simpang Sahari di WP Labuan pula merekodkan 123 kes.

Justeru, saya amat berharap rakyat terus patuhi SOP memandangkan kes positif semakin meningkat naik dan hari ini ia telah mencecah lebih 8,000 kes.

PKPD 21 Mukim dalam daerah Kuala Terengganu, Terengganu

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di 21 mukim dalam daerah Kuala Terengganu, Terengganu yang melibatkan:

- Mukim Manir
- Mukim Bukit Besar
- Mukim Pengadang Buluh
- Mukim Belara
- Mukim Paloh
- Mukim Kubang Parit
- Mukim Serada
- Mukim Rengas
- Mukim Chendering
- Mukim Bandar
- Mukim Chabang Tiga
- Mukim Kepong
- Mukim Gelugur Kedai
- Mukim Kuala Ibai
- Mukim Atas Tol
- Mukim Tok Jamal
- Mukim Losong
- Mukim Batu Buruk
- Mukim Pekan Chabang Tiga
- Mukim Pulau pulau
- Mukim Gelugur Raja

KKM mendapati, berlaku peningkatan kes yang amat ketara sepanjang Mei 2021 iaitu 349 kes atau 370% bagi tempoh dua minggu di semua lokaliti tersebut.

Selain itu, sebanyak 46 kes positif COVID-19 direkodkan hasil saringan bergejala dan ia dikesan hampir semua mukim dalam daerah Kuala Terengganu.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di 21 mukim seperti dinyatakan berkuat kuasa 30 Mei sehingga 12 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD untuk menyekat pergerakan dan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

PKPD FELDA Jengka 24, Jerantut, Pahang

Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan dilaksanakan di FELDA Jengka 24, Jerantut, Pahang berikutan peningkatan kes COVID-19 di lokaliti itu dalam tempoh singkat.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaporkan sebanyak 10 kes telah direkodkan selepas ujian saringan dilakukan ke atas 56 orang penduduk di lokaliti tersebut.

Pada masa sama, KKM mendapati telah berlaku penularan kes dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan PKPD di lokaliti yang dinyatakan berkuat kuasa 30 Mei sehingga 12 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD bertujuan untuk mengenalpasti, mengasingkan serta melakukan ujian saringan ke atas kontak rapat sekali gus mengelak penularan jangkitan ke luar kawasan

PKPD Kampung Baru Melayu, Mukim Bentong, Bentong, Pahang

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Baru Melayu, Mukim Bentong, Bentong, Pahang.

KKM melaporkan berlaku peningkatan ketara kes positif di lokaliti ini dalam tempoh yang singkat apabila sebanyak 25 kes direkodkan hasil daripada 52 ujian saringan dengan kadar positivity 48%.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Baru Melayu, Mukim Bentong, Bentong, Pahang bermula 30 Mei 2021 hingga 12 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM mengenalpasti dan melaksanakan pengasingan dan saringan bagi kontak rapat seterusnya mengekang penularan COVID-19 ke komuniti lain.

PKPD Taman Sinar Harapan Tampoi, Johor Bahru, Johor

Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan dilaksanakan di Taman Sinar Harapan Tampoi, Johor Bahru, Johor berikutan kadar positifiti yang tinggi iaitu 76.15% di kawasan itu.

Sebanyak 99 kes positif telah dikesan hasil daripada 130 ujian saringan yang dilakukan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan PKPD di Taman Sinar Harapan Tampoi, Johor Bahru, Johor berkuat kuasa 30 Mei sehingga 12 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD bertujuan mengelakkan keluar masuk kakitangan dan pelawat ke lokaliti itu sekali gus menghalang perebakan wabak ke luar kawasan.

PKPD Taman Pertama dan Taman Serendah, Daerah Sabak Bernam, Selangor

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Taman Pertama dan Taman Serendah, Daerah Sabak Bernam, Selangor.

KKM mengesahkan berlaku peningkatan ketara kes positif di lokaliti ini dalam tempoh yang singkat apabila sebanyak 113 kes telah direkodkan hasil daripada 1237 ujian saringan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Taman Pertama dan Taman Serendah, Daerah Sabak Bernam, Selangor bermula 30 Mei 2021 hingga 12 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM menjalankan pengesanan awal kes-kes disyaki COVID-19 supaya dapat diasingkan secepat mungkin dan seterusnya mengekang penularan COVID-19 ke komuniti luar.

PKPD 3 lokaliti di Tawau, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di PKPD tiga (3) lokaliti di Tawau, Sabah yang melibatkan:

- Kampung Pasir Putih Blok B
- PPR Taman Sri Balung
- Kampung Baru Pasir Putih

Sehingga kini, KKM mengesahkan terdapat peningkatan kes yang amat ketara dalam masa singkat iaitu Kg Pasir Putih; Blok B merekodkan sebanyak 8 positif daripada 16 disaring, PPR Taman Sri Balung merekodkan 18 kes positif daripada 23 ujian saringan manakala 11 didapati positif hasil saringan ke atas 30 orang di Kg. Baru Pasir Putih.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di di tiga (3) lokaliti di Tawau, Sabah seperti yang dinyatakan bermula 30 Mei 2021 hingga 12 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM melaksanakan saringan secara bersasar ke atas penduduk yang terlibat dan memastikan penduduk yang berisiko dijangkiti COVID-19 kekal berada dalam kawasan PKPD.

SOP bagi kesemua PKPD adalah sama seperti yang diumumkan sebelum ini. Maklumat lanjut boleh diakses di laman sesawang MKN di www.mkn.gov.my

Pelanjutan PKPD Kampung Lubok Redan, Alor Gajah, Melaka

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Lubok Redan, Alor Gajah, Melaka yang dijadualkan tamat pada, 29 Mei 2021.

Dalam tempoh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 617 ujian saringan dan 27 individu disahkan positif COVID-19.

KKM mengesahkan penularan masih berlaku di lokaliti tersebut dan kes baharu direkodkan serta terdapat juga sampel ujian sedang menunggu keputusan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melanjutkan PKPD di Kampung Lubok Redan, Alor Gajah, Melaka bermula 30 Mei sehingga 5 Jun 2021.

Pelanjutan PKPD Lorong 2, Kampung Kongsis 8, Tawau, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Lorong 2, Kampung Kongsis 8, Tawau, Sabah yang dijadualkan tamat pada 29 Mei 2021.

Sebanyak 295 ujian saringan dilakukan oleh KKM dan 40 daripadanya disahkan positif COVID-19.

Pada masa sama, KKM mendapati penularan kes masih berlaku di lokaliti tersebut dengan kes baharu juga direkodkan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melanjutkan PKPD di Lorong 2, Kampung Kongsis 8, Tawau, Sabah bermula 30 Mei sehingga 12 Jun 2021.

Task Force Operasi Pematuhan

Task Force Operasi Pematuhan yang diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melakukan 76,904 pemeriksaan semalam.

Ia melibatkan 3,786 Pasukan Pematuhan yang terdiri daripada 16,127 anggota bagi memantau dan menguatkuasakan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Semalam, 581 individu ditahan atas kesalahan ingkar SOP. Daripada jumlah itu, seramai 574 individu dikompaun, enam (6) direman manakala seorang, dijamin.

Antara kesalahan direkodkan ialah:

- Tidak memakai pelitup muka (191)
- Gagal merekod butiran diri/daftar masuk premis (119)
- Tiada penjarakan fizikal (89)
- Rentas negeri/daerah tanpa kebenaran (67)
- Tidak patuh arahan kawalan pergerakan (53)
- Lain-lain (62)

Kawalan Sempadan Negara

Operasi BENTENG (Op BENTENG) semalam telah menangkap 13 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan merampas empat (4) buah kenderaan darat.

Dalam operasi itu juga, sebanyak 164 buah bot/kapal turut dikesan di perairan negara melalui enam (6) aktiviti penglihatan.

Op BENTENG melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM) serta agensi-agensi keselamatan lain turut menjalankan 585 Sekatan Jalan Raya (SJR) semalam iaitu:

Op PENAWAR (ATM, PDRM dan RELA)	- 532 SJR
Op BENTENG PDRM	- 44 SJR
Op BENTENG AKSEM	- 9 SJR

Operasi Sanitasi Awam

Semalam, sebanyak 72 operasi sanitasi dilakukan meliputi 38 zon merah, zon jingga (2) dan zon kuning (5) di seluruh negara.

Operasi sanitasi ini melibatkan 364 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan 188 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta 216 buah jentera JBPM.

Secara kumulatifnya, sebanyak 25,010 operasi sanitasi merangkumi 79 zon dilakukan sejak 30 Mac 2020. Operasi sanitasi melibatkan pusat perniagaan, kawasan perumahan termasuk Projek Perumahan Rakyat (PPR), tempat awam, pasaraya dan bangunan kerajaan.

Kuarantin Wajib

Semalam, seramai 792 individu tiba di semua pintu masuk antarabangsa dan semuanya telah dikuarantin di stesen-stesen kuarantin di seluruh negara.

Secara kumulatifnya, sejak 24 Julai 2020, seramai 213,025 individu telah pulang ke tanah air dan kesemua ditempatkan di 78 hotel dan 11 Institut Latihan Awam (ILA) serta Institut Pengajian Swasta di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, seramai 8,052 individu telah dikuarantin dan 202,774 orang dibenarkan pulang manakala 2,199 lagi dibawa ke hospital.

Barang Keperluan Asas

Pemantauan serta pemeriksaan oleh anggota Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di peringkat peruncit dan pemborong mendapati bekalan makanan adalah stabil dan mencukupi.

Semalam, KPDNHEP telah membuat 706 pemantauan harian ke atas 11 jenis bekalan barangan terdiri daripada peruncit (524), pemborong (151) dan pengilang (31).

KPDNHEP juga telah melakukan 2,541 pemeriksaan khas dan daripada jumlah itu, 2,539 premis didapati mematuhi SOP manakala dua (2) lagi dikompaun.

Saringan Wajib Pekerja Warga Asing

Semalam, seramai 123 warga asing telah menjalani ujian saringan dan tiada kes positif COVID-19 dilaporkan.

Secara kumulatifnya, Kementerian Sumber Manusia (KSM) memaklumkan seramai 697,828 pekerja warga asing telah menjalani ujian saringan COVID-19 yang melibatkan 36,102 majikan.

Daripada jumlah itu, seramai 10,319 orang telah disahkan positif COVID-19 manakala 687,509 lagi adalah negatif. Sehingga kini, sebanyak 1,544 buah klinik telah terlibat dengan program saringan ini.

Seperti yang telah diumumkan, ujian saringan COVID-19 adalah diwajibkan kepada semua pekerja warga asing mulai 1 Februari 2021.

YB DATO' SERI ISMAIL SABRI YAAKOB
MENTERI KANAN PERTAHANAN